SOUTHERN BANK BHD

lwn.

MUNAH OSMAN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
FAIZA TAMBY CHIK H
[RAYUAN SIVIL NO: R2-11-4-2000]
9 NOVEMBER 2000

PROSEDUR SIVIL: *Penghakiman terus - Faedah - Faedah di bawah kemudahan overdraf - Takat liabiliti penjamin - Samada terhad kepada amaun prinsipal sahaja*

KONTRAK: *Jaminan - Kemudahan overdraf - Takat liabiliti penjamin - Samada terhad kepada amaun prinsipal - Samada termasuk faedah yang terakru*

Melalui satu Memorandum Jaminan dan Indemniti Berterusan ('jaminan tersebut'), defenden menjadi penjamin kepada seorang yang bernama Shahril Abdul Rahman ('peminjam tersebut') di bawah satu kemudahan overdraf sebanyak RM15,000 yang diberikan oleh plaintif bank kepada peminjam tersebut. Peminjam tersebut melebihi had kemudahan overdraf yang diberikan dan gagal untuk menjelaskan pembayarannya yang mengakibatkan tindakan plaintif memasukkan penghakiman terus ini terhadap defenden. Tuan Majistret hanya memasukkan penghakiman terus terhadap defenden setakat RM15,000 iaitu jumlah prinsipal sahaja dengan kos tanpa faedah terakru sebanyak RM6,491.98 dan faedah berterusan sehingga tarikh penyelesaian penuh. Maka rayuan plaintiff ini terhadap sebahagian daripada keputusan majistret berkenaan faedah tersebut.

Diputuskan:

[1] Klausa 1 jaminan tersebut yang memperuntukkan dengan jelasnya bahawa liabiliti defenden kepada plaintif tidak akan melebihi RM15,000 adalah berkenaan prinsipal sahaja dan tidak termasuk faedah yang dipokokkan. Perkataan "and" di antara bahagian (a) dan (b) dalam proviso klausa tersebut bermaksud bahawa plaintif berhak menuntut daripada defenden prinsipal sebanyak RM15,000 dan antara lain faedah.

[2] Jumlah faedah yang dituntut oleh plaintif adalah seperti yang dipersetujui di antara plaintif dan peminjam tersebut di dalam surat tawaran plaintif kepada peminjam tersebut. Tambahan pula, klausa 18 jaminan tersebut jelas memperuntukkan bahawa liabiliti defenden kepada plaintif adalah bukan sekadar sebagai penjamin sahaja tetapi sebagai penghutang prinsipal juga. Oleh itu, plaintif berhak menuntut faedah tersebut daripada defenden.

[Rayuan plaintif dibenarkan dengan kos.]

Kes-kes yang dirujuk:

Bank Bumiputra Malaysia Bhd v. Perbadanan Kemajuan Negeri Perak [1989] 1 CLJ 1051 ***(diikuti)***

Chung Khiaw Bank Malaysia Bhd v. Raju Jayaraman Kerpaya [1995] 3 AMR 2337 ***(diikuti)***

Jaya Kumar v. Subramaniam Mohan Krishnan & Anor [1987] 2 MLJ 432 ***(diikuti)***

Malayan Insurance (M) Sdn Bhd v. Asia Hotel Sdn Bhd [1987] 1 CLJ 246 ***(diikuti)***

Paramount Corporation Bhd v. Mulpha Pacific Sdn Bhd [1999] 5 CLJ 539 ***(diikuti)***

Perwira Habib Bank Malaysia Bhd v. Lim Hong Tatt [1989] 1 CLJ 54 ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:

Subordinate Courts Rules 1980, O. 26A

Sumber yang dirujuk:

The Oxford Paperback Dictionary, 1994, 4th edn

Bagi pihak perayu - Kingston TK Tan (Shereendar Kaur bersamanya); T/n Heiley Hassan, Tan & Partners

Bagi pihak responden - Abdullah Sani; T/n Ashfar Ali & Assoc

Dilaporkan oleh Usha Thiagarajah

PENGHAKIMAN

Faiza Tamby Chik H:

Lampiran 1 adalah notis rayuan plaintif bertarikh 5 April 2000 terhadap sebahagian daripada keputusan tuan majistret yang hanya membenarkan plaintif memasukkan penghakiman muktamad terhadap defendan setakat RM15,000 (iaitu jumlah prinsipal sahaja) dengan kos, tanpa faedah terakru sebanyak RM6,491.98 setakat 27 Ogos 1998 dan faedah yang berterusan pada kadar-kadar yang dipersetujui sehingga tarikh penyelesaian penuh (sila rujuk "prayer" (b) dan (c), pernyataan tuntutan plaintif bertarikh 22 Oktober 1998 di ms 9 Rekod Rayuan). Pihak defendan tidak ada membuat apa-apa rayuan balas. Fakta kes adalah melalui satu surat tawaran bertarikh 21 Oktober 1993, (eks. "A-2", ms 112 Rekod Rayuan), plaintif telah meluluskan permohonan seorang yang bernama Shahril bin Abd. Rahman (selepas ini dirujuk sebagai "peminjam tersebut") untuk satu kemudahan overdraf sebanyak RM15,000 tertakluk kepada semua terma dan syarat yang terkandung di dalamnya. Sebagai balasan kepada plaintif memberi kemudahan overdraf tersebut kepada peminjam tersebut, defendan telah menandatangani satu memorandum jaminan dan indemniti berterusan bertarikh 6 November 1993 (selepas ini dirujuk sebagai "jaminan tersebut") yang berjenis berterusan di mana responden bersetuju, sebagai penghutang prinsipal dan bukan hanya sebagai penjamin, untuk menjamin pembayaran kepada plaintif semua wang yang terhutang oleh peminjam tersebut kepada plaintif termasuk faedah caj dan kos peguamcara apabila tuntutan dibuat (klausa 1 jaminan tersebut, eks. "A-1", ms 107 Rekod Rayuan dirujuk). Oleh

kerana peminjam tersebut telah melanggar syarat-syarat dan terma-terma surat tawaran bertarikh 21 Oktober 1993 tersebut kerana telah gagal, untuk mengendalikan akaunnya dengan memuaskan dan mengemaskinikan akaunnya apabila terdapat lebihan had kemudahan, plaintif telah menarik balik kemudahan overdraf tersebut (sila rujuk eks. "A-3", ms 117 dan 118 Rekod Rayuan – surat tuntutan peguamcara plaintif bertarikh 5 September 1997 kepada peminjam tersebut). Oleh kerana peminjam tersebut masih gagal untuk membayar plaintif walaupun tuntutan dibuat, plaintif telah menuntut daripada defendan sebagai penjamin dan penanggung rugi peminjam tersebut di bawah jaminan tersebut melalui satu surat tuntutan peguamcara plaintif bertarikh 3 September 1998 (eks. "A-4", ms 120 Rekod Rayuan). Sehingga kini, defendan telah gagal untuk menjelaskan hutangnya kepada plaintif, maka plaintif telah mengambil tindakan undang-undang terhadap defendan melalui Mahkamah Majistret Kuala Lumpur Saman No. 72-54425-98 untuk jumlah sebanyak RM21,491.98 setakat 27 Ogos 1998 dan faedah berterusan yang dipersetujui serta kos (ms 9 Rekod Rayuan). Plaintif seterusnya telah memfailkan permohonan untuk penghakiman terus melalui suatu notis permohonan bertarikh 29 Julai 1999 (ms 1 Rekod Rayuan) di mana Mahkamah Majistret selepas mempertimbangkan hujah bertulis kedua-dua belah pihak (ms 20-84 Rekod Rayuan) telah pada 27 Mac 2000 membenarkan permohonan plaintif tersebut tetapi hanya untuk jumlah prinsipal sebanyak RM15,000 setakat 27 Ogos 1998 dan bukan untuk faedah sebanyak RM6,491.98 setakat 27 Ogos 1998; dan faedah seterusnya yang dipersetujui pada kadar 4.0% di atas Kadar Pinjaman Asas Plaintif @ 8.90% setahun, iaitu pada kadar 12.90% setahun atas jumlah prinsipal overdraf RM15,000 mulai 28 Ogos 1998 sehingga tarikh penyelesaian penuh; dan faedah penalti yang dipersetujui pada kadar 5.0% di atas Kadar Pinjaman Asas Plaintif @ 8.90% setahun, iaitu pada kadar 13.90% setahun atas lebihan dalam akaun overdraf tersebut sebanyak RM6,491.98 mulai 28 Ogos 1998 sehingga tarikh penyelesaian penuh. (Rujuk perintah dan penghakiman bertarikh 27 Mac 2000, ms 1-4, Rekod Rayuan Tambahan perayu). Oleh yang demikian, plaintif telah merayu ke mahkamah ini terhadap sebahagian daripada keputusan Mahkamah Majistret tersebut.

Merujuk kepada proviso klausa 1 jaminan tersebut (eks. "A-1", ms 107 Rekod Rayuan) dapat diperhatikan bahawa ada diperuntukkan dengan jelasnya bahawa liabiliti defendan kepada plaintif tidak akan melebihi RM15,000 berkenaan prinsipal sahaja tidak termasuk prinsipal yang mengandungi faedah yang telah dipokokkan, antara lain faedah. Oleh itu, plaintif berhak menuntut faedah seperti yang diperuntukkan di bahagian (b) proviso klausa 1 tersebut. Perkataan "and" di antara bahagian (a) dan (b) dalam proviso klausa tersebut menurut *The Oxford Paperback* 4th Edition 1994 Dictionary bermakna "together with". "Together with" membawa maksud seperti yang dinyatakan di dalam kes *Paramount Corporation Bhd. v. Mulpha Pacific Sdn. Bhd.* [1999] 5 CLJ 539

halaman 545:

> The next key expression relates to the words "together with". These are ordinary words which are not defined in the sale agreement and therefore to be construed by reference to their popular meaning as found in the dictionaries.
>
> The Concise Oxford dictionary defines the word "together" as "... simultaneously; at the same time".
>
> The Concise Oxford dictionary defines the expression "together with" as "... as well as; also".
>
> The Chambers 20th Century dictionary defines the word "together" as "... at the same time".
>
> In my judgment, the expression "together with" means that the accrued agreed interest is to be paid at the same time fixed by cl. 4.2 for the payment of the balance sum, which in this case was originally 17th October 1997, then extended by one month to 17th November 1997, and finally to 20th November 1997.
>
> This part of cl. 4.2 provides the time when the accrued agreed interest is to be paid by the defendant to the plaintiff. This construction is, in my view, completely consonant with logic, business efficacy and the nature of the sale agreement itself. Clause 4.2 presupposes that the balance sum would be duly paid at the appointed time in accordance with the sale agreement.

Oleh itu, perkataan "and" tidak membawa maksud bahawa prinsipal dan faedah tidak boleh melebihi RM15,000, tetapi sebaliknya bermakna bahawa jumlah tuntutan plaintif di bawah jaminan tersebut tidak akan melebihi "aggregate" RM15,000 (berkenaan prinsipal) dan faedah. Perkataan "and" di antara proviso (a) dan (b), klausa 1 Memorandum Jaminan dan Indemniti Berterusan tersebut (ms 107, Rekod Rayuan) bermaksud bahawa perayu berhak menuntut daripada responden prinsipal sebanyak RM15,000 dan antara lain faedah. Ini diperkukuhkan lagi dengan wujudnya ayat dalam klausa 1 tersebut (ms 107, Rekod Rayuan) yang menyatakan "In consideration ..., we, the undersigned, hereby guarantee to you the due payment of and undertake on your demand to pay to you all sums ... owing to you ... by the Principal ... and with ... all interest ...". Lebih lagi, proviso klausa 1 (ms 107, Rekod Rayuan) juga menyatakan bahawa:

> PROVIDED THAT the total amount recoverable under this Guarantee from us will not exceed the aggregate: ...

Kamus *The Oxford Paperback Dictionary* 4th edn 1994 memberi definisi "aggregate" sebagai "combined, total ... 1. A total; a mass or amount brought together". Oleh itu, ini dengan jelasnya menunjukkan bahawa tuntutan perayu tidak diterhadkan kepada hanya RM15,000 sahaja daripada defendan. Jumlah faedah yang dituntut oleh plaintif adalah seperti yang dipersetujui di antara

plaintif dan peminjam tersebut di dalam surat tawaran bertarikh 21 Oktober 1993 tersebut (eks. "A2-1", ms 112 Rekod Rayuan) di bawah klausa:

> Interest Rate : 4.0% above the Bank's Base Lending Rate ("BLR") subject to a minimum amount of RM5.00
>
> dan
>
> Conduct : The Overdraft Facility must be operated within line at all times and adequate provision must be made to meet the monthly interest charged to the facility at all times.
>
> A penalty rate at the Bank's discretion is chargeable for any excess in the account. (The penalty rate is currently 5.0% above the Bank's BLR)

Lagi pun klausa 1 jaminan tersebut (ms 107 Rekod Rayuan) memperuntukkan bahawa:

> ... we, the undersigned, hereby guarantee to you the due payment of and undertake on your demand to pay to you all sums ... owing to you ... by the Principal ... and with ... all interest ...

Tambahan pula, klausa 18 jaminan tersebut (ms 109 Rekod Rayuan) adalah jelas memperuntukkan bahawa liabiliti defendan kepada plaintif adalah bukan sekadar sebagai penjamin sahaja malahan adalah sebagai penghutang prinsipal juga.

> ... we hereby further agree as a separate and independent stipulation that any sum(s) money ... which may not be legally recoverable from the Principal ... by reasons of any other fact or circumstance whatsoever ... shall nevertheless be recoverable from us as sole or principal debtor(s) in respect thereof and shall be repaid to you by us on demand.

Dalam kes *Bank Bumiputra Malaysia Berhad v. Perbadanan Kemajuan Negeri Perak* [1989] 1 CLJ 1051, halaman 1052 mahkamah memutuskan:

> All these issues fall back on the letter of guarantee given by the defendants to the plaintiffs on 23 February 1982 for credit facilities advanced to Elite Wood Products Sdn. Bhd. (hereinafter 'EWP') up to the sum of $1,550,000 with interest as stated. The court has examined this letter of guarantee and is of the view that the defendants are guarantors as well as principal debtors in view of cl. 10 which reads:
>
> > As a separate and independent stipulation I/we agree that all sums of money not recoverable from me/us on the footing of a guarantee whether by reason of any legal limitation disability or incapacity on or of the borrower or any other fact or circumstance and whether known to you or not shall nevertheless be recoverable from me/us as a principal debtor

a

> or debtors in respect thereof and shall be repaid by me/us seven days after demand in writing made by you or on your behalf.

Jadi adalah jelas defendan adalah memang berhutang dengan plaintif sebagai penghutang prinsipal, oleh itu plaintif berhak menuntut faedah sebanyak RM6,491.98 setakat 27 Ogos 1998, dan faedah selanjutnya yang dipersetujui b pada kadar 12.90% setahun (iaitu 4.0% + BLR @ 8.90% setahun) atas jumlah prinsipal RM15,000 mulai 28 Ogos 1998 sehingga tarikh penyelesaian penuh, dan faedah penalti yang dipersetujui pada kadar 13.90% setahun (iaitu 5.0% + BLR @ 8.90% setahun) atas jumlah lebihan dalam akaun overdraf tersebut sebanyak RM6,491.98 mulai 28 Ogos 1998 sehingga tarikh penyelesaian penuh.

c

Dalam kes *Perwira Habib Bank Malaysia Bhd. v. Lim Hong Tatt* [1989] 1 CLJ 54 di ms 55, perenggan A, Siti Norma Yaakob J telah berkata:

> To assume that the $750,000 limit includes interest as well would be contrary to logic and sound business practice, as the facility is a business transaction d conducted by the plaintiffs in the course of their business as a banker. As such it is not logical to expect the plaintiffs to advance money up to the sanctioned limit on an interest-free basis. The plaintiffs are therefore entitled to claim more than $750,000 and the excess of the limit represents the interest chargeable on the facility.

e Dalam kes *Chung Khiaw Bank Malaysia Berhad v. Raju Jayaraman Kerpaya* [1995] 3 AMR 2337 di ms 2340-2342, mahkamah memutuskan:

> By a letter of guarantee dated September 3, 1983 the defendant guaranteed payment on demand of all sums of money owing to the plaintiff up to the limit of RM1,000,000.
>
> f
>
> By cl. 2(2) of the letter of guarantee the defendant also agreed to pay interest on such sum at such rate as the plaintiff may from time to time stipulate as well as before and after judgment.
>
> Hipparion defaulted in the payment of monthly instalment and by a letter of g demand dated August 14, 1985, the plaintiff demanded payment of RM1,072,013.17 due to the plaintiff as at July 31, 1985 together with interest according thereon.
>
> Hipparion and the defendant failed to pay the sum or any part thereof.
>
> h ...
>
> First, whether the defendant was liable to repay the loan and interest thereon.
>
> That there was a loan agreement between the plaintiff and Hipparion and that the defendant gave a guarantee to the plaintiff both dated September 1, 1993, were not in dispute. However, learned counsel for the defendant argued that
>
> i

the defendant's liability under the guarantee agreement was limited to RM1,000,000 only. He argued that Hipparion had paid 11 instalments, and that the property had been sold by the plaintiff for RM1,150,000 so basically the principal loan had been settled. In other words, he said, as what had been paid was more than RM1,000,000 and as the limit of the defendant's guarantee was only RM1,000,000 the defendant was not liable to pay the amount claimed.

With respect I do not think that the ground has any merit.

First, it is clear from the loan agreement itself that Hipparion was not only liable to repay the principal sum but also interests – see cls. 1(ii), (iii), 5.

Keputusan ini telah disahkan oleh Mahkamah Rayuan dan dilaporkan di [1997] 3 CLJ 216.

Saya berpendapat bahawa oleh kerana rayuan ini hanya berdasarkan isu undang-undang sahaja dan tidak melibatkan apa-apa fakta, maka mahkamah mempunyai bidangkuasa untuk menentukan dan memutuskan isu tersebut melalui kuasa di bawah A. 26A, Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980.

Dalam kes plaintif di sini, jumlah yang melebihi had prinsipal RM15,000 tersebut adalah faedah, iaitu RM6,491.98 (RM21,491.98 - RM15,000) setakat 27 Ogos 1998 dan faedah berterusan selepas 28 Ogos 1998 sehingga penyelesaian penuh. Tambahan pula, tuntutan perayu adalah memang jelas, tepat dan tidak mengelirukan – rujukan dibuat kepada ms 9 Rekod Rayuan, di mana plaintif telah menyenaraikan tuntutannya secara berasingan iaitu prinsipal (perenggan b) dan faedah (perenggan c) di dalam pernyataan tuntutannya. Penyata akaun plaintif (ms 126 Rekod Rayuan) adalah keterangan mengikat dan muktamad terhadap keberhutangan defendan menurut klausa 7 Memorandum Jaminan dan Indemniti Berterusan (ms 108 Rekod Rayuan), iaitu:

... or any statement of account transmitted by you the correctness of which is certified by one of your Manager or any of your duly authorised officers shall be binding and conclusive against us ...

Dalam kes *Malayan Insurance (M) Sdn Bhd v. Asia Hotel Sdn Bhd* [1987] 1 CLJ 246 pada ms 248, Hashim Yeop A. Sani SCJ (beliau pada masa itu) berkata:

Secondly, where the issue raised is solely a question of law pure and simple without reference to any facts or where the facts are clear and undisputed the court should exercise its duty under Order 14 as in any other cases and decide on the question of law. This is so even if the issue of law raised is a difficult

a one. If the court after considering the argument is satisfied that it is really unarguable then the court should grant summary judgment.

Dalam kes *Jaya Kumar v. Subramaniam Mohan Krishnan & Anor* [1987] 2 MLJ 432, pada ms 433 Thean J berkata:

b This, it is submitted, is a triable issue and the case should therefore go to trial. I agree that this is an issue, but on reflection, I think such an issue can and should be disposed of now and I should not let go to trial where the same point would be re-argued with a possibility of another appeal. It has been repeatedly held by the Court of Appeal in England that on an application under Order 14 where the issue raised is one of law and it is clear-cut and can be
c decided upon, then the judge hearing it, or, upon an appeal, the Court of Appeal, should decide on it rather than to let it go to trial. In *Verrall v. Great Yarmouth Borough Council*, Roskill LJ (as he then was) said:

> ... we have often said in this court in recent years that where there is a clear-cut issue raised in Order 14 proceedings, there is no reason why
d the judge in Chambers – or, for that matter, this court – should not deal with the whole matter at once. Merely to order a trial so that the matters can be re-argued in open court is to encourage the law's delay which in this court we are always trying to prevent. The first point fails.

e Adalah jelas bahawa majistret itu telah silap dari segi undang-undang apabila memutuskan bahawa plaintif tidak berhak memasukkan penghakiman muktamad terhadap defendan berkenaan faedah seperti yang dipohon dalam pernyataan tuntutan. Oleh yang demikian rayuan plaintif dibenarkan dengan kos di sini dan di bawah.

f

g

h

i